

KENYATAAN MEDIA

TH SARAN GUNA PENGELOLA JEMAAH HAJI YANG DILESENKAN

Kuala Lumpur, 22 November 2017 — Lembaga Tabung Haji (**TH**) ingin menasihati orang ramai untuk berwaspada dan tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana tawaran visa dan pakej haji dari individu atau agensi yang tidak dilesenkan oleh **TH**.

Datuk Seri Johan Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** berkata, "Pemberian Visa Furada (visa urusan sendiri) kepada mana-mana individu atau syarikat terpilih adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi. Oleh yang demikian, bakal-bakal haji yang mendapat Visa Furada ini adalah dinasihat untuk menggunakan perkhidmatan pakej haji yang disediakan oleh Pengelola Jemaah Haji (PJH) yang dilesenkan **TH** sahaja".

"**TH** tidak berkompromi dengan PJH berlesen yang gagal menyediakan perkhidmatan atau kemudahan seperti yang dijanjikan kepada jemaah haji. Sekiranya gagal berbuat demikian, **TH** akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat tersebut dengan denda kewangan atau membatalkan lesen mereka" jelas Datuk Seri Johan lagi.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan **TH**, orang ramai boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan (THCC) kami di 03-6207 1919.

Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan

-TAMAT-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.